



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijeipc.com



PEMBINAAN SAHSIAH MURID MELALUI KOMUNIKASI BERKESAN DALAM E-PEMBELAJARAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

STUDENTS' CHARACTER BUILDING THROUGH EFFECTIVE COMMUNICATION IN E-LEARNING FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim^{1*}, Nur Eliza Mohd Noor²

¹ Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

Email: tgsarina@um.edu.my

² Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

Email: s2023911@siswa.um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 05.09.2022

Revised date: 14.09.2022

Accepted date: 28.09.2022

Published date: 30.09.2022

To cite this document:

Kasim, T. S. A. T., & Noor, N. E. M. (2022). Pembinaan Sahsia Murid Melalui Komunikasi Berkesan Dalam E-pembelajaran Menurut Perspektif Islam. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47), 863-877.

DOI: 10.35631/IJEPC.747063

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Seiring dengan perkembangan teknologi dalam pembelajaran abad ke 21 dan situasi pandemik Covid 19 yang melanda seluruh negara, e-pembelajaran menjadi pilihan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran yang menjadi penghubung kepada guru dan murid untuk berkomunikasi tentang pelajaran. Komunikasi dalam e-pembelajaran boleh berlaku secara segerak (*synchronous*) ataupun tidak segerak (*asynchronous*). Kedua-dua proses komunikasi ini sekiranya diaplikasikan dengan efektif, mampu memaksimumkan interaksi yang bermakna antara guru dan murid. Namun, dapatan kajian lepas menunjukkan terdapat kekangan dalam aspek komunikasi antara guru dan murid semasa pelaksanaan e-pembelajaran. Situasi ini menyukarkan tugas guru untuk membimbing dan membuat penilaian ke atas murid sama ada dari segi kefahaman, maklum balas dan juga sahsiah. Oleh itu, kajian ini yang menggunakan kaedah kepustakaan dan berbentuk konseptual diharapkan dapat memberi kefahaman kepada guru mengenai usaha-usaha yang perlu ditingkatkan dalam berkomunikasi dengan murid agar interaksi dapat berlaku secara maksimum. Kelemahan dalam menguruskan komunikasi antara guru dan murid dalam aktiviti e-pembelajaran berkemungkinan menyebabkan kegagalan dalam mencapai matlamat pembelajaran, seterusnya memberi kesan kepada perkembangan sahsiah pelajar.

Kata Kunci:

Pembinaan Sahsia, Komunikasi Berkesan, E-pembelajaran, Perspektif Islam.

Abstract:

In line with the technology development in the 21st century learning and the COVID-19 pandemic situation that hit the whole country, e-learning has become the choice as a medium of teaching and learning, which serves as a platform for teachers and students to communicate. Communication in e-learning can take place using two modes of delivery, synchronously or asynchronously. These two methods, if applied effectively, can help to maximise meaningful interactions between teachers and students. However, findings of previous studies show that there are constraints in the communication aspect between teachers and students during the implementation of e-learning. This situation led to difficulties for teachers to guide and assess students' understanding, giving feedback, as well as to build students' personality. Therefore, this study which is use the library method in a conceptual approach is expected to provide an effective communication framework from Islamic perspective as a guide for teachers to enable maximum interaction with the students. Lack of efficient communication management between teachers and students during e-learning activities would lead to failure in achieving learning goals, thus in turn affecting the growth of students' personality.

Keywords:

Character Building, Effective Communication, E-Learning, Islamic Perspective.

Pengenalan

Profesion sebagai seorang guru sangat mulia di sisi Islam. Tugas dan tanggungjawab yang diberikan bukan semata-mata untuk menyampaikan pengetahuan bahkan mendidik pelajar menjadi insan yang bertakwa kepada Allah SWT. Oleh itu, untuk menjadi seorang guru yang berkesan bukanlah suatu perkara yang mudah. Semuanya bergantung kepada cara penyampaian dan gaya pengajaran yang dilaksanakan. Tanggungjawab dan amanah ini menggesa para pendidik agar sentiasa memperkemaskan diri dengan pelbagai kemahiran dan pengetahuan supaya proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan memberi kesan yang positif kepada pelajar. Tugas dan tanggungjawab ini menjadi semakin mencabar apabila bidang pendidikan sering berlaku perubahan sama ada perubahan dari segi kaedah atau medium pembelajaran mahupun kandungan pembelajaran mengikut keperluan dan perkembangan semasa.

Di Malaysia, salah satu perubahan yang terpaksa diterima oleh para guru bagi memastikan pelajar tetap berpeluang untuk belajar walaupun sekolah terpaksa ditutup dapat dilihat ketika Malaysia menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 akibat dilanda wabak Pandemik Covid 19 sebelum ini. Kaedah pengajaran terpaksa diubah daripada secara tradisional yang bersemuka di dalam kelas kepada menggunakan e-pembelajaran sebagai medium pengajaran dan pembelajaran. Ketika itu, pemanfaatan e-pembelajaran bukan lagi sebagai media pilihan untuk pembelajaran malah, ia menjadi satu-satunya pilihan agar aktiviti pembelajaran tidak tergendala. Justeru, model komunikasi dalam aktiviti pembelajaran beralih kepada komunikasi berasaskan media teknologi iaitu model komunikasi pembelajaran jarak jauh yang dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu *synchronous* dan juga *asynchronous* (Fahmi, 2020). Komunikasi secara *synchronous* terjadi ketika proses pembelajaran antara guru dan pelajar dilakukan pada masa yang sama. Manakala

komunikasi *asynchronous* pula berlaku apabila guru dan pelajar tidak berada pada masa yang sama.

Pembelajaran secara dalam talian atau e-pembelajaran ini merupakan satu medium pembelajaran secara maya melalui capaian internet untuk membentuk satu komunikasi antara guru dan murid (Windhiyana, 2020). Melalui pelaksanaan e-pembelajaran, guru merupakan pengajar yang terbaik semasa pelaksanaan kelas dalam talian yang dapat mewujudkan komunikasi, interaksi, kerjasama dan penglibatan yang aktif daripada pelajar walaupun pembelajaran berlaku secara maya (Albrahim, 2020). Pembelajaran yang terbaik berlaku apabila pelajar dapat dilibatkan dalam proses pembelajaran tersebut dan mereka aktif mengambil bahagian dalam setiap perbincangan dan pertanyaan yang diajukan oleh guru. Pelajar yang responsif dapat menjadikan proses pembelajaran berlaku dengan lebih menarik dengan adanya interaksi dan komunikasi yang aktif di antara guru dan murid terutama melalui e-pembelajaran.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif melalui e-pembelajaran agak sukar kerana cara berhubung dan berkomunikasi melalui teknologi secara dalam talian adalah berbeza berbanding berkomunikasi secara bersemuka. Ia memerlukan komitmen dan kemahiran dari segi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi bagi mencapai keberkesanan dalam pemanfaatannya. Sebagai contoh kemahiran untuk berinteraksi dengan pelajar melalui e-pembelajaran dan juga kemahiran merancang aktiviti yang melibatkan pelajar dalam e-pembelajaran amat penting bagi meningkatkan komunikasi yang aktif antara guru pelajar. Namun, dalam memanfaatkan e-pembelajaran sebagai medium baharu pembelajaran, masih banyak kelompongan yang timbul dalam persekitaran e-pembelajaran tersebut dan ia dikatakan tidak boleh menggantikan pembelajaran secara bersemuka (Albrahim, 2020). Pembelajaran secara dalam talian atau e-pembelajaran ini akan mempunyai beberapa kelemahan sekiranya kelompongan yang berlaku tidak diatasi dengan baik oleh guru.

Antara isu yang sering timbul dalam pelaksanaan e-pembelajaran ialah berkaitan ruang yang secukupnya untuk para guru dan murid berinteraksi serta berkomunikasi (Siti Nurbaizura et.al, 2020; Abadi, 2015). Apabila komunikasi melalui e-pembelajaran berlaku secara *synchronous* atau segerak, terdapat pelajar yang menutup kamera dan suara mereka ini menyebabkan guru tidak dapat melihat secara jelas tingkah laku mereka serta keberadaan mereka semasa e-pembelajaran berlaku. Malah pelaksanaan e-pembelajaran secara *synchronous* atau segerak juga menghadapi masalah apabila berlaku pula gangguan internet yang menyebabkan komunikasi terputus-putus dan seterusnya mengganggu proses belajar (Fahmi, 2020). Menurut Ibrahim dan Abdul Razak (2021), pembelajaran dalam talian ini berkemungkinan juga menyebabkan berlaku masalah keciciran murid dalam pembelajaran. Selain itu, beberapa kajian juga menunjukkan interaksi guru bersama murid masih pada tahap yang sederhana dan pelajar kurang memberi maklum balas ketika pengajaran dalam talian dijalankan (Muhammad Izat et al., 2020; Fadzliyah Hashim et al., 2020). Hal ini kerana apabila e-pembelajaran di rumah berlaku, pelajar mungkin terdedah kepada gangguan isi rumah lain sekiranya mereka tidak memiliki disiplin yang tinggi. Pelajar juga akan turut berasa seolah-olah mereka bersendirian seandainya mereka kurang berinteraksi secara bersemuka dengan guru atau rakan lain dan ia akan memberi kesan kepada pelajar dalam kemampuan mereka untuk memahami pembelajaran (Fuller, 2014).

Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam kelas mahupun melalui medium e-pembelajaran, guru dan pelajar sepatutnya berinteraksi secara maksimum dan pelajar sepatutnya diberi bimbingan secara intensif bagi mendapatkan kefahaman yang baik terutama dalam aspek perkembangan sahsiah serta membentuk keperibadian mereka (Zazin et al., 2019; Hartanto, 2016). Namun, dengan pelaksanaan e-pembelajaran menyebabkan berlakunya kekangan dari aspek komunikasi dan interaksi yang merupakan salah satu elemen terpenting dalam memastikan matlamat e-pembelajaran tercapai. Seandainya, isu ini tidak diatasi dengan segera dan perubahan tidak dilakukan terutama oleh penggerak iaitu guru, maka objektif pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dicapai dengan baik. Kelemahan guru dalam mempraktikkan komunikasi yang berkesan bukan sahaja boleh menyebabkan pelajar ketinggalan dalam pelajaran sahaja bahkan ia turut memberi kesan kepada pelajar sehingga mengalami perasaan tidak puas hati, kecewa, tekanan psikologi, hilang perasaan hormat dan sebagainya yang akhirnya membawa kepada masalah sosial dan jenayah yang tinggi.

Metodologi Kajian

Artikel ini melibatkan penulisan kajian literatur dan tidak melibatkan kajian lapangan. Pengumpulan data dilakukan menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan iaitu dengan mengumpul artikel-artikel dan tulisan yang didapati dari sumber penyelidikan perpustakaan (penelitian bahan dokumen) dan juga carian internet. Bentuk dokumen yang digunakan dalam kertas kerja ini adalah dari buku-buku, jurnal-jurnal, dan sumber-sumber lain yang relevan. Proses analisis kandungan dokumen-dokumen ini dibuat secara dua peringkat. Peringkat pertama iaitu mengkategorikan topik kajian daripada artikel-artikel terpilih berdasarkan skop kajian iaitu peranan guru dalam pembinaan sahsiah murid dan juga komunikasi berkesan. Peringkat kedua analisis kandungan dibuat untuk melihat peranan guru dalam mewujudkan komunikasi yang berkesan semasa pelaksanaan e-pembelajaran melalui peranan mereka menurut perspektif Islam iaitu guru sebagai *muallim*, *mudarris*, *muaddib*, *murabbi* dan *mursyid*. Justeru, artikel ini diharapkan dapat memberi kefahaman kepada guru bahawa pengaplikasian komunikasi yang berkesan dapat membantu proses e-pembelajaran seterusnya membina keperibadian murid yang unggul dan cemerlang.

Peranan Guru Dalam Membina Sahsiah Pelajar Menurut Perspektif Islam

Pendidikan dalam Islam adalah pendidikan Rabbani yang bermatlamat untuk mendidik dan membentuk insan yang memiliki keperibadian dan sahsiah yang baik dan mentaati perintah Allah SWT. Menurut al-Ghazali, pendidikan bertujuan membentuk insan ke arah *taqarrub* kepada Allah SWT dan merupakan proses memanusiakan manusia sehingga menjadi manusia yang sempurna (al-Ghazali, t.t). Begitu juga menurut Soetari (2014), pendidikan merupakan mekanisme sesebuah institusi yang dapat membentuk pembinaan akhlak sesuatu bangsa. Jika dilihat pendidikan dalam konteks peranan seorang guru, mereka bukan sahaja perlu menyampaikan ilmu semata-mata, bahkan perlu memiliki tanggungjawab membangunkan modal insan para pelajar seperti yang dituntut dalam perkataan pendidikan (Sofiah Mohamed et al., 2016). Tanggungjawab dan peranan guru sangat besar tidak hanya terbatas mendidik di sekolah, bahkan juga di luar sekolah (Subakri, 2020). Konsep lima mim iaitu *Muallim*, *Mudarris*, *Murabbi*, *Muaddib* dan juga *Mursyid* yang menjelaskan secara terperinci peranan guru dalam pendidikan boleh dipraktikkan di kalangan guru (Ali Akbar Wan Abdullah et al., 2021). Hal ini kerana, guru merupakan individu di barisan hadapan yang berperanan mendidik pelajar.

Peredaran masa telah membawa perubahan kepada fungsi dan peranan guru daripada peranan guru sebagai sumber utama pengetahuan kepada guru sebagai pemudah cara dalam pengajaran

dan pembelajaran, agen perubahan dan sumber maklumat kepada pelajar. Guru bukan lagi sebagai pendeta yang menyampaikan ilmu pengetahuan tetapi berperanan sebagai fasilitator dan juga pemudah cara dalam membantu meningkatkan potensi pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Guru juga bertanggungjawab untuk menerapkan pelajar agar menjalani kehidupan yang seimbang, seiring dengan harapan KPM yang menyasarkan pendidikan yang menyeluruh (Hashim et al., 2020). Tanggungjawab dan tugas pendidik merupakan satu amanah yang berat, besar dan penting. Karisma seorang guru sememangnya mampu memberikan impak yang besar kepada pembangunan integriti anak didiknya. Komitmen dan semangat yang tinggi daripada para pendidik dalam melaksanakan pengajaran yang berkesan adalah dituntut agar murid yang dilahirkan akan menjadi manusia yang menyumbang kepada modal insan yang cemerlang (Firdaus et al., 2016).

Justeru itu, jika dilihat dari aspek pendidikan, matlamat pendidikan tidak dapat dipisahkan dengan pembinaan sahsiah seseorang murid. Sahsiah murid dapat dilihat daripada tingkahlaku, tutur kata dan keperibadian mereka sehari-hari. Sahsiah yang baik akan dapat dicapai sekiranya guru memainkan peranan mereka dengan berkesan. Walau apa jua bentuk platform menyampaikan pendidikan itu digunakan sekalipun, guru-guru tidak harus mengabaikan aspek pembinaan sahsiah murid kerana ia menjadi matlamat utama pendidikan (Tengku Sarina, Yusmini & Fadillah, 2021). Justeru, guru perlu melakukan anjakan paradigma dalam usaha menjadikan e-pembelajaran diterima secara positif dan melaksanakan pedagogi yang bersesuaian mengikut situasi masa kini (Hashim et al., 2020).

Komunikasi Berkesan Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Melalui E-Pembelajaran

Komunikasi memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Komunikasi penting kerana kegagalan pendidik dalam berkomunikasi secara berkesan semasa proses pengajaran dan pembelajaran boleh menyebabkan institusi pendidikan berada dalam keadaan tidak tenteram (Mohd Khairuddin Abdullah et al., 2014). Komunikasi yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah komunikasi yang dapat menghasilkan perhubungan dan persefahaman yang baik antara guru dan pelajar. Ciri-ciri komunikasi yang berkesan adalah komunikasi yang dapat membina kefahaman, keseronokan, menjaga kepercayaan sasaran dan adanya tindakan yang menyusuli (Amir & Ahmad Rozelan, 2016).

Bagi mendapatkan komunikasi yang berkesan, ia memerlukan kemahiran. Kemahiran guru untuk menghasilkan komunikasi yang berkesan perlu dititikberatkan dan dilatih kerana ia dapat membantu para guru dalam mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran. Kesannya, pelajar bukan sahaja mampu memahami apa yang dipelajari, bahkan turut memberi kesan dan menghidupkan suasana pembelajaran serta mengeratkan hubungan antara guru dan pelajar. Kemahiran berkomunikasi sebenarnya merupakan salah satu elemen yang amat diperlukan semasa pelaksanaan e-pembelajaran. Berge, (2013) menjelaskan bahawa antara ciri-ciri pengajar dalam talian yang berkualiti dan mempunyai kompetensi yang tinggi antaranya mestilah memiliki kemahiran berkomunikasi secara dalam talian selain daripada memiliki kemahiran teknikal, kefahaman berkenaan proses e-pembelajaran, dan sikap yang bagus. Baran dan Correia (2014) juga menyenaraikan aspek komunikasi adalah di antara kompetensi atau kemahiran yang perlu ada semasa pembelajaran dalam talian dijalankan. Begitu juga menurut Albrahim (2020), yang telah mengklasifikasikan kemahiran dan kompetensi e-pembelajaran kepada enam kategori, di mana salah satu daripadanya adalah kemahiran berkomunikasi, selain daripada kemahiran pedagogi, kemahiran dari segi kandungan, kemahiran mencipta dan membangun model pembelajaran dalam talian, kemahiran teknologi, dan juga kemahiran mengurus. Beliau juga mencadangkan beberapa syarat untuk menjadi

seorang yang hebat dalam berkomunikasi melalui e-pembelajaran atau secara dalam talian iaitu dengan memahami situasi sebenar kedua-dua kaedah pembelajaran sama ada secara bersemuka atau secara maya dan perbezaan antara kedua-duanya.

Kajian daripada Setyaningsih et al., (2020) menyatakan bahawa strategi untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan kerjasama melalui e-pembelajaran mengandungi empat peringkat iaitu; (1) Mengakses; (2) Menganalisis; (3) Membuat penilaian; dan (4) Mencipta kandungan. Di peringkat yang pertama iaitu mengakses, berlaku apabila guru dan pelajar menggunakan e-pembelajaran. Di peringkat kedua, merupakan fasa analisis apabila guru mencari dan memilih maklumat yang berkaitan untuk proses pembelajaran dan membuat pengesahan mengenai ketepatan maklumat yang diperoleh. Peringkat seterusnya iaitu peringkat yang ketiga, guru akan membuat penilaian terhadap kandungan bahan pembelajaran yang bersesuaian dengan pelajar dan menyediakan kandungan pembelajaran. Peringkat yang terakhir iaitu peringkat yang keempat berlaku apabila pembangunan kandungan pembelajaran dapat disusun dan diterapkan dalam mata pelajaran yang diajar. Sekiranya guru hanya memiliki kemahiran berkomunikasi sahaja namun tidak boleh menjadikannya komunikasi yang berkesan, berkemungkinan akan menimbulkan perasaan yang tidak selesa serta dan tidak mampu mewujudkan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan bagi pelajar. Selain itu, ketidakcekapan serta kurangnya kemahiran guru dalam mengendalikan teknologi dalam pembelajaran ini menimbulkan kegelisahan yang berkemungkinan memberi kesan kepada kefahaman murid akibat komunikasi yang tidak efektif (Lau & Rosli, 2020). Bahkan menurut Norzi Mohd Yusoff dan Mohd Isa Hamzah (2021), kurangnya kemahiran guru dalam pengaplikasian teknologi akan mengakibatkan pembelajaran berasaskan internet secara maya kurang berkesan sehingga menjejaskan komunikasi antara guru dan murid.

Sedangkan kemahiran berkomunikasi dengan berkesan ini perlu sentiasa ada bagi memastikan pelajar memahami apa yang ingin disampaikan oleh mereka (Sohana & Hairun, 2017). Selain itu, komunikasi berkesan dengan pelajar semasa e-pembelajaran juga dapat mengelakkan pelajar rasa bersendirian dan merasa diri mereka tidak penting (Fuller, 2014). Kecekapan dan keberkesanan dalam pengajaran dalam talian memerlukan satu proses secara berperingkat iaitu sebelum, semasa dan selepas. Sebelum sesuatu pengajaran itu bermula, semua aktiviti dan maklumat yang ingin disampaikan perlu dirancang dengan baik. Semasa pelaksanaannya pula perlulah ada proses interaksi serta komunikasi yang baik dalam memberi serta menerima maklum balas. Peringkat akhir iaitu selepas pelaksanaannya perlulah ada proses refleksi pembelajaran yang telah dibuat (Abdous, 2011).

Oleh itu dapat dirumuskan di sini bahawa usaha dan komitmen yang berterusan bagi melatih dan mempraktikkan komunikasi yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran perlu dijalankan bermula dari mula merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran sehinggalah kepada proses menilai dan menerima maklum balas daripada pelajar. Usaha dalam mendapatkan komunikasi yang berkesan ini juga boleh dipraktikkan oleh setiap individu secara personal sebagai contoh, bagi mereka yang kurang mahir dari segi penyampaian boleh mempelajari teknik tersebut dengan menghadiri kursus atau berlatih secara berterusan. Selain itu, mereka yang pendiam boleh memulakan langkah dengan sering bertanya khabar atau sering berkomunikasi dengan orang sekeliling. Jika seseorang itu sering bercakap cepat atau laju, maka individu tersebut boleh belajar teknik untuk bertenang dengan menarik nafas terlebih dahulu.

Komunikasi Berkesan Dalam Membentuk Sahsiah Pelajar

Menurut Nuryatin (2020), ekoran daripada penutupan sekolah, metode pembelajaran secara e-pembelajaran juga diharapkan agar tidak mengganggu guru dalam menanam nilai-nilai yang baik dalam diri murid sebagaimana yang berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Melalui pelaksanaan e-pembelajaran kemahiran komunikasi berkesan amat diperlukan kerana medium ini mendedahkan pelajar dengan segala maklumat sama ada ditapis atau tidak. Menurut Syafiqah Solehah Ahmad dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, (2017), pembentukan sahsiah pelajar berlaku apabila guru memiliki personaliti yang bagus yang merangkumi cara berhubung dan berkomunikasi dengan pelajar terutama dalam menghadapi arus kemajuan globalisasi. Begitu juga pandangan daripada Afroni dan Triana, (2018) yang menyatakan bahawa antara sebab objektif pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dicapai dan pelajar tidak bermotivasi untuk mengikuti pembelajaran malah bersembang atau berkelakuan tidak baik semasa pembelajaran berlaku adalah berpunca daripada komunikasi yang tidak berkesan. Perkara ini disokong oleh Sohana dan Hairun, (2017), yang menjelaskan bahawa komunikasi berkesan mampu membina sahsiah pelajar dan membawa kepada kecemerlangan dari segi akademik juga. Begitu juga menurut Hartanto, (2016) yang menegaskan bahawa komunikasi yang maksimum melalui medium e-pembelajaran sebenarnya mempengaruhi kepada kejayaan dalam mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran sekaligus membentuk pelajar dari segi sahsiah mereka. Komunikasi yang jelas dan menarik serta mudah difahami menjadikan pelajar berminat untuk belajar sekaligus mengurangkan masalah disiplin mereka dan membentuk sahsiah mereka.

Oleh itu, kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi melalui medium e-pembelajaran perlu dikuasai oleh guru agar guru sentiasa berhubung dengan murid dan mengetahui perkembangan mereka dari masa ke semasa. Selain daripada itu, guru perlu sentiasa peka dengan kemudahan teknologi yang ada sekarang yang terlalu memberikan kemudahan kepada murid-murid untuk saling berhubung dan berinteraksi secara dalam talian antara satu sama lain yang sekiranya tidak dikawal dengan baik oleh guru dikhuatiri akan merosakkan budi pekerti (Rahmawati, 2019). Di sini pentingnya kemahiran komunikasi guru dalam menunjukkan kepekaan dan mengambil berat serta menegur murid dengan cara yang baik agar murid tidak leka dengan aplikasi-aplikasi gajet terbaharu semasa mengikuti e-pembelajaran sehingga mengabaikan pembelajaran mereka.


Perbincangan

Komunikasi Berkesan Dalam E-pembelajaran Menurut Perspektif Islam

Komunikasi menurut perspektif Islam dapat dilihat sebagai satu alat perhubungan yang penting. Hal ini kerana setiap individu Muslim dianggap sebagai pendakwah dan bertanggungjawab menyebarkan kebaikan mengikut kemampuan masing-masing. Komunikasi dalam Islam berkait rapat dengan dua perkara iaitu hubungan dengan Allah dan juga hubungan sesama manusia. Hubungan dengan Allah melibatkan semua perkara yang berkaitan dengan ibadat manakala hubungan sesama manusia pula berlaku dalam semua aspek muamalah dalam aktiviti seharian manusia (Hashim, 2001). Kajian yang dijalankan oleh Siti Salha (2003) menyokong tentang kepentingan komunikasi dari perspektif Islam. Beliau menjelaskan bahawa dalam menjalankan kerja-kerja pengurusan di sekolah atau di mana-mana organisasi, komunikasi merupakan suatu alat, dan proses yang sukar dipisahkan dalam organisasi khususnya dalam membuat keputusan, menentukan struktur dan budaya organisasi.

Dalam al-Quran, komunikasi pembelajaran yang berkesan adalah apabila berkomunikasi dan mengajak kepada *Tauhidiah* iaitu mengenal Allah yang Esa (Afroni & Triana, 2018). Ini juga bertepatan dengan pandangan Al-Ghazali (t.t) berkenaan komunikasi iaitu satu proses menyampaikan dakwah atau pesanan-pesanan yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah dengan tujuan agar orang lain dapat beramal dan melakukan kebaikan sebagaimana pesanan yang diberikan. Dalam komunikasi dakwah pula, al-Ghazali menekankan agar sebelum seseorang mengubah orang lain menjadi baik, maka dia harus merubah dirinya untuk menjadi baik (Nisa, 2019). Keupayaan pendakwah atau guru memanfaatkan prasarana komunikasi dan mempraktikkan komunikasi yang berkesan dalam menyampaikan ilmu merupakan sebahagian daripada usaha ke arah memantapkan pelaksanaan e-pembelajaran. Sebagai seorang guru, seharusnya diberikan pendedahan dan pemantapan dari segi kemahiran komunikasi yang efektif dari semasa ke semasa agar mereka dapat mencapai tahap profesionalisme semaksima mungkin (Nur Eliza et al., 2021). Penguasaan komunikasi ini tidak terhad kepada komunikasi lisan sahaja, tetapi juga penguasaan dalam media teknologi dan komunikasi yang terkini seperti *Google Classroom*, *youtube*, *video*, *whatsapp*, *voice message*, *Telegram*, *Google Meet* dan *email*.

Justeru itu, bagi memudahkan kefahaman guru tentang bagaimana komunikasi berkesan dalam e-pembelajaran itu dapat dicapai melalui peranan guru, satu rajah telah dibina setelah diadaptasi elemen-elemen penting daripada beberapa cadangan penyelidik sebelum ini. Rajah ini dibuat bagi memudahkan guru mengenal pasti elemen dalam e-pembelajaran dan peranan guru dalam mengaplikasikan komunikasi berkesan dalam e-pembelajaran menurut Islam.



Rajah 1: Komunikasi Berkesan Dalam Membentuk Sahsiah Pelajar Melalui E-pembelajaran

*Adaptasi daripada Nur Eliza et al., (2021); Albrahim, (2020); Ali Akbar Wan Abdullah et al., (2021)

Rajah di atas menjelaskan bahawa elemen yang perlu ada bagi mendapatkan komunikasi yang berkesan dalam e-pembelajaran adalah elemen peranan guru, komitmen guru serta kemahiran guru dalam menggunakan teknologi dan komunikasi. Ketiga-tiga elemen ini saling berkait dalam komunikasi yang berkesan melalui e-pembelajaran. Pertama, ia memerlukan komitmen seorang guru dalam memainkan peranannya. Peranan guru dalam berkomunikasi melalui e-pembelajaran dapat dikategorikan berdasarkan kriteria guru sebagai *Muallim*, *Muaddib*, *Mudarris*, *Mursyid* dan juga *Murabbi*.

Peranan Guru Sebagai Muallim Dalam Berkomunikasi Melalui E-pembelajaran

Pekerjaan sebagai seorang guru merupakan pekerjaan yang paling mulia kerana tugas seorang guru adalah menyampaikan dan menjelaskan kebenaran kepada manusia dan mengajak manusia ke jalan Allah SWT sebagaimana tugas seorang pendakwah (Nurohman, 2020). Sebagai seorang *muallim*, tugas guru amat mudah dalam menyampaikan pelajaran dan memastikan silibus pelajaran dapat dihabiskan dengan baik. Namun, bagi memastikan ilmu yang disampaikan itu difahami dengan baik dan jelas oleh pelajar memerlukan kemahiran komunikasi yang berkesan.

Melalui medium e-pembelajaran, sewaktu memberi penerangan kepada murid, guru perlu menggunakan contoh yang bersesuaian bagi memudahkan murid faham. Guru juga boleh mengaitkan dengan ayat al-Quran sewaktu menerangkan tentang alam dan juga teori-teori Sains kepada pelajar contohnya. Semasa mengajar akhlak, guru juga boleh menyertakan sekali ayat-ayat al-Quran yang berkaitan yang memerintahkan agar melakukan perkara tersebut. Komunikasi yang kurang menarik dan membosankan yang hanya menyampaikan isi pelajaran sahaja tanpa mengaitkan dengan perkara sekeliling dan juga al-Quran, berkemungkinan akan menjadikan proses e-pembelajaran tidak diminati dan secara tidak langsung murid mencari alasan untuk meninggalkan kelas terutama apabila kelas dijalankan secara dalam talian.

Peranan Guru Sebagai Muaddib Dalam berkomunikasi Melalui E-pembelajaran

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, al-Ghazali memfokuskan kepada komunikasi guru dengan murid kerana dalam konteks pendidikan guru perlu mengamalkan adab dalam interaksi dengan murid supaya murid dapat mencontohi sikap guru dan mengambil manfaat daripada ucapan atau kata-kata gurunya (Al-Ghazali, 1995). Menurut Mukromin (2019), pembinaan sahsiah murid amat bergantung kepada bagaimana pendidikan yang diterima. Oleh itu, sebagai seorang *muaddib*, seharusnya menjaga martabat dan maruah mereka kerana mereka bukan sahaja sekadar membawa imej sebagai seorang pendidik malah turut membawa imej sebagai penyebar agama Islam atau pendakwah. Guru perlu mengamalkan adab dalam berkomunikasi agar murid dapat menerima dengan baik apa yang disampaikan. Selain itu, guru merupakan ikon yang paling hampir dengan murid semasa proses memberi pendidikan dan wajar dijadikan ikutan dalam kehidupan seharian. Hal ini kerana, segala yang ditunjukkan oleh guru dari segi penampilan guru, perilaku, dan kata-kata yang baik seperti pakaian guru, guru mengucapkan salam dan menyapa murid setiap kali pertemuan sama ada di dalam atau di luar kelas akan mempengaruhi murid (Nurlela & Eri Purwanti, 2020). Justeru, guru haruslah dijadikan sebagai *role model* untuk murid contohi dalam menjalani kehidupan yang penuh dengan cabaran. Apabila menyebut *role model*, semestinya *role model* terbaik bagi seluruh umat manusia ialah baginda Rasulullah S.A.W. Beliau adalah seorang yang mempunyai keperibadian yang paling tinggi yang selalu menjaga tingkah lakunya dalam setiap aspek. Baginda hanya bertutur apabila perlu sahaja dan tidak mengeluarkan kata-kata yang bersandarkan hawa nafsu semata-mata.

Dalam e-pembelajaran, melalui peranan guru sebagai seorang *muaddib* dalam berkomunikasi haruslah sentiasa menggunakan bahasa pertuturan yang baik dan sekiranya pelajar melakukan kesalahan, haruslah ditegur dengan bahasa yang elok. Guru perlu sentiasa berkomunikasi dengan pelajar untuk mengambil berat tentang e-pembelajaran yang berlaku di rumah. Walaupun proses pembelajaran tidak berlaku secara fizikal di sekolah, Malik (2019) menjelaskan bahawa seorang guru perlu meletakkan dirinya sebagai ibu bapa kepada murid tersebut. Begitu juga menurut Nur Eliza et al., (2021), guru perlu menganggap murid sebagai anaknya sendiri kerana apabila guru mempunyai hubungan yang rapat dengan murid, guru akan lebih mengambil berat kepada perkembangan yang berlaku kepada murid di rumah dan ini membantu memudahkan guru mendidik mereka. Walaupun e-pembelajaran berlaku secara dalam talian, guru selaku seorang *muaddib* harus menunjukkan rasa hormat kepada pelajar dengan memasuki kelas dalam talian tepat pada waktunya agar menjadi ikutan kepada pelajar berkenaan ketepatan waktu. Kesungguhan dan adab yang ditunjukkan oleh guru dalam mendidik anak murid sebagaimana ibu bapa mendidik anak mereka sendiri akan beroleh kebahagiaan bukan sahaja di dunia bahkan di akhirat.

Peranan Guru Sebagai Mursyid Dalam Berkomunikasi Melalui E-pembelajaran

Sebagai seorang *mursyid*, guru juga boleh bertindak sebagai pembimbing dan kaunselor kepada pelajar dalam membantu pelajar menangani masalah yang mereka hadapi (Razaleigh Muhamat Kawangit, 2014), selain menyampaikan pengetahuan, guru juga perlu bertindak sebagai sumber inspirasi dan juga pencetus motivasi kepada murid (Arianti, 2019). Sebagai contoh, apabila pelajar dapat menyiapkan tugas yang diberikan melalui medium e-pembelajaran, guru harus memberi kata-kata pujian kerana penghargaan dan pujian kepada anak murid perlu diberikan atas perilaku mereka yang baik bagi meningkatkan semangat mereka untuk terus belajar.

Guru perlu sentiasa memberikan dorongan atau kata-kata motivasi kepada pelajar sama ada di dalam atau di luar bilik darjah agar pelajar mampu menguruskan emosi mereka untuk menerima proses pembelajaran dengan baik (Ramli, 2019). Murid pada zaman sekarang perlu sentiasa diberi motivasi agar tidak ada perlakuan negatif atau sikap malas sehingga menghalang mereka mencapai cita-cita mereka (Malik, 2019). Apabila berhadapan dengan medium e-pembelajaran, pelajar sudah pasti mengalami pelbagai masalah di rumah seperti masalah ketidakcukupan fasiliti seperti gajet, masalah pengurusan sendiri, dan juga masalah jaringan internet. Oleh itu, guru perlu sentiasa memberi sokongan moral kepada mereka dengan memberikan kata-kata semangat agar murid terus berminat untuk mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, guru mestilah dapat mengawal kelas secara berkesan melalui suara yang tegas dan jelas agar pelajar tidak leka apabila guru tidak berhadapan dengan mereka secara fizikal. Segala isu yang dibangkitkan oleh pelajar, perlu direspon oleh guru dengan segera dan pantas agar pelajar tidak merasakan mereka bersendirian dalam proses e-pembelajaran.

Peranan Guru Sebagai Murabbi Dalam Berkomunikasi Melalui E-pembelajaran

Murabbi berasal dari kata terbitan, *tarbiyyah* (pendidikan) yang melibatkan proses mendidik, memelihara dan membentuk pelajar sehingga wujud rasa kasih sayang dan saling mempercayai antara mereka dan secara amnya juga dapat ditakrifkan sebagai seseorang yang bijak, berpengetahuan, baik dan bertimbang rasa (Mahd Nor, 2021). Bagi meningkatkan kualiti guru Pendidikan Islam sebagai seorang *murabbi*, Razila Kasmin et al. (2019), mencadangkan agar dijalankan kajian-kajian berterusan bagi mempertingkatkan kualiti guru kerana peranan guru sebagai *murabbi* amat sukar dibudayakan ekoran perbezaan latar belakang guru. Walau

bagaimana pun menurut Malik (2019), antara sikap yang harus ditunjukkan oleh guru sebagai seorang *murabbi* terhadap murid adalah dengan memanggil murid dengan penuh kasih sayang, sentiasa memberikan nasihat dengan lemah lembut sebagaimana posisi guru sebagai ibu bapa dan murid sebagai anak. Selain itu, guru juga perlu memiliki beberapa aspek penting dalam diri mereka seperti ikhlas, kasih sayang, dan hikmah. (Azizan et al., 2021).

Dalam konteks pelaksanaan e-pembelajaran, pelajar akan melihat bagaimana cara guru melayan mereka menjawab pertanyaan dan cara guru membimbing mereka yang lemah semasa proses pembelajaran berlaku. Perlakuan guru yang ikhlas dan penuh hikmah dapat menjadi ikutan kepada murid terutama murid di peringkat rendah. Sebagai seorang *murabbi* guru perlu mempunyai perasaan belas kasihan dan bertimbang rasa dengan situasi murid di rumah yang tidak mempunyai kelengkapan dan prasarana yang lengkap bagi melaksanakan e-pembelajaran. Kelemahan ini perlu diselesaikan dan dibantu sebaiknya selaku tugas seorang guru dan tidak perlu mengejek atau menggunakan kata-kata yang kesat sekiranya pelajar tidak berkemampuan untuk mengikuti kelas pembelajaran secara dalam talian. Selain itu juga, peranan guru sebagai *murabbi dalam* berkomunikasi adalah dengan sentiasa menekankan atau menceritakan berkenaan aspek keimanan kepada pelajar agar pelajar sentiasa takut untuk melakukan kesalahan walaupun guru tidak dapat melihat aktiviti e-pembelajaran mereka di rumah.

Peranan Guru Sebagai Mudarris Dalam Berkomunikasi Melalui E-pembelajaran

Bagi mempraktikkan komunikasi yang berkesan sebagai seorang *mudarris* semasa pelaksanaan e-pembelajaran, guru perlu memberitahu dengan jelas objektif pembelajaran di awal kelas dimulakan. Objektif yang jelas memudahkan guru untuk merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta membantu guru mengemudi kelas ke arah mencapai objektifnya. Jika sempurna guru, maka sempurna murid (Wan Ali Akbar Wan Abdullah et al., 2021). Ini bermaksud sekiranya perancangan mengajar dilakukan oleh guru dengan sempurna, dengan mengetahui objektif pembelajaran yang jelas, maka pengendalian aktiviti di dalam kelas akan lebih tersusun dan teratur serta membantu murid meningkatkan kefahaman mereka. Begitu juga dengan pelaksanaan kelas dalam talian, di mana dijalankan berdasarkan perancangan mengajar yang telah disediakan terlebih dahulu oleh guru. Kelas dalam talian akan dimulakan apabila guru telah memastikan murid berada dalam keadaan bersedia. Aktiviti yang dirancang dan diajar mestilah menarik dan menyeronokkan pelajar untuk ikuti pembelajaran. Oleh itu, komunikasi semasa proses e-pembelajaran mestilah seimbang dan melibatkan semua murid untuk terlibat secara aktif. Selain itu, setelah tamat sesi e-pembelajaran, guru sebagai seorang *mudarris* perlu membuat kesimpulan topik yang diajar agar murid jelas tentang pembelajaran yang berlaku pada hari tersebut.

Komitmen dan Kemahiran Dalam Teknologi dan Komunikasi

Perkembangan teknologi telah mempengaruhi perkembangan cara belajar daripada ‘*Chalk and Talk*’ kepada penggunaan capaian maklumat tanpa sempadan. Perubahan ini memerlukan guru pada masa kini agar mahir dalam pengaplikasian teknologi dan komunikasi dalam pembelajaran. Contohnya, kemahiran dan kompetensi guru dalam berinteraksi dengan pelajar menggunakan kepelbagaian peranti teknologi dan komunikasi. Perkara ini adalah penting bagi menjamin kualiti guru dan pendidikan termasuklah guru Pendidikan Islam. Malah kajian membuktikan bahawa guru yang mahir dalam teknologi akan lebih bersedia untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dengan lebih efektif (Razila Kasmin et al., 2019; Yogeswary Kuppusamy & Helmi Norman, 2021). Signifikannya, guru yang lebih bersedia dalam kemahiran teknologi dan komunikasi ini pula akan memberi

kesan positif kepada aspek akademik dan perkembangan pelajar (Rajan & Hj Othman, 2022). Dalam meningkatkan kemahiran teknologi, selain guru perlu bersungguh dan memberikan komitmen yang padu, guru juga memerlukan kerjasama yang baik daripada pihak pengurusan sekolah. Sebagai contoh, diwujudkan latihan dalam perkhidmatan secara berkala sebagai kursus pengembangan profesional untuk guru (Lau & Rosli, 2020).

Di samping itu, guru perlu membuat pemilihan dalam penggunaan alat dan bahan teknologi maklumat dan komunikasi yang paling sesuai untuk memudahkan proses pembelajaran dan interaksi dalam talian. Perkara ini sudah semestinya memerlukan komitmen dan kemahiran guru dalam teknologi dan komunikasi. Justeru, guru perlu memainkan peranan mereka dengan baik bagi memastikan komunikasi berlaku dengan berkesan melalui medium e-pembelajaran. Mereka perlu memastikan elemen komitmen dan juga kemahiran dapat dititikberatkan juga. Hal ini kerana proses komunikasi berkesan juga memerlukan komitmen dan kesungguhan guru dalam mempraktikkannya. Sekiranya guru tidak mempunyai kesungguhan dan semangat untuk sentiasa berinteraksi dengan pelajar, maka proses komunikasi tidak akan berlaku dengan baik. Kemahiran dalam teknologi juga diperlukan agar guru tidak kekok dan mahir dalam memilih aplikasi yang bersesuaian dan menarik mengikut kesesuaian latar belakang pelajar agar setiap pelajar dapat peluang untuk mengikuti e-pembelajaran dengan baik. Komitmen, kesediaan dan kemahiran guru terhadap pengaplikasian teknologi dalam pembelajaran perlulah dipertingkatkan agar e-pembelajaran dapat berjalan dengan lancar.

Penutup

Kesimpulannya, komunikasi berkesan dalam pelaksanaan e-pembelajaran dapat ditambah baik sekiranya guru mampu memainkan peranan mereka dalam berkomunikasi sebaik mungkin sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT dalam menjaga hubungan atau interaksi antara guru dan pelajar serta masyarakat umumnya. Ia perlulah mempunyai proses dua hala melalui penyampaian maklumat atau pelajaran secara jelas dan betul, seterusnya penyampaian itu diterima dan dapat difahami oleh pelajar sehingga mampu memberi kesan kepada perkembangan pembelajaran serta keperibadian mereka. Komunikasi berkesan ini dapat dipraktikkan sekiranya peranan guru sebagai *Muallim*, *Mudarris*, *Muaddib*, *Mursyid* dan juga *Murabbi* dapat dijalankan dengan baik dengan komitmen yang jitu daripada guru. Hal ini bagi mengelakkan berlakunya pemindahan ilmu semata-mata tanpa berlaku kefahaman yang baik tentang isi kandungan pelajaran dalam kalangan pelajar. Apabila peranan guru dipraktikkan dengan baik, maka hasilnya akan dapat dilihat dalam perkembangan pelajar dan secara tidak langsung ia menunjukkan bahawa proses komunikasi yang berkesan telah pun berlaku sekiranya hasil yang diperoleh adalah positif.

Penghargaan

Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya kerana telah menyokong penyelidikan ini. Kertas kerja ini merupakan hasil daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Khas Penyelidikan (GKP) UMG005L-2021.

Rujukan

- Abadi, G. F. (2015). Inovasi Pembelajaran Pendidikan Agama Islam Berbasis E-Learning. *Tasyri'; Jurnal Tarbiyah dan Syari'ah Islamiyah*, 22(2), 127-138.
- Abdous, M. (2011). A process-oriented framework for acquiring online teaching competencies. *Journal of Computing in Higher Education*. 23, 60-77.
- Abu Hamid al-Ghazali. (t.t). *Ihya' Ulumuddin*. Jilid 1V. Beirut: Dar al-Fikr.

- Afroni, S., & Triana, R. (2018). Komunikasi Pembelajaran Berbasis Al-Qur'an. *Edukasi Islami : Jurnal Pendidikan Islam*, 7(02), 157-178.
- Ahlam Abdul Aziz. (2016). Peranan Teknologi Komunikasi Dan Sumbangannya Ke Arah Perkembangan Komunikasi Dalam Organisasi Yang Berkesan. *Forum Komunikasi*. 11(2), 51-64.
- Albrahim, F. A. (2020). Online Teaching Skills and Competencies. *Turkish Online Journal of Educational Technology - TOJET*. 19(1), 9-20.
- Ali Akbar Wan Abdullah, W., Mohd Zhaffar, N., Abdul Razak, K., Isa Hamzah, M., Pendidikan, F., Kebangsaan Malaysia, U., Pengajian Islam Kontemporari, A., & Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau, U. (2021). Konsep Lima Mim: Persepsi Pelajar Terhadap Guru Inovatif Pendidikan Islam. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*. 12(1), 59-71.
- Amir, A., & Ahmad Rozelan, Y. (2016). Komunikasi Berkesan: Siri Latihan Pembangunan Staf. *ResearchGate*. 1-42.
- Arianti, A. (2019). Peranan Guru Dalam Meningkatkan Motivasi Belajar Siswa. *Didaktika : Jurnal Kependidikan*. 12(2), 117-134.
- Azizan, N. I., Ismail, N., Mohd Zin, S. M., & Zainuddin, N. F. (2021). Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial dan Perkembangan Teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(I), 118-129.
- Baran, E., & Correia, A. P. (2014). A Professional Development Framework For Online Teaching. *TechTrends*. 58, 95-101.
- Berge, Z. (2013). E-Moderating: The Key To Teaching and Learning Online. *Distance Education*. 34(3), 391-395.
- Fahmi, M. H. (2020). Komunikasi Synchronous Dan Asynchronous Dalam E-Learning Pada Masa Pandemic Covid-19. *Jurnal Nomosleca*. 6(2), 146-158.
- Firdaus, A., Noor, M., Jasmi, K. A., Shukor, K. A., Pensyarah, P., & Islam, P. (2016). Masalah Sosial Dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pendidikan Islam Dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *E-Bangi : Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 50-61.
- Fuller. (2014). Lessons Learned: Online Teaching Adventures And Misadventures. *Journal of Social Sciences*. 10(1), 33-38.
- Hartanto, W. (2016). Penggunaan E-Learning sebagai Media Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Ekonomi*. 10(1), 1-15.
- Hashim, F., Rosli, F. F., & Elias, F. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian dan Impaknya Terhadap Guru Novis Pendidikan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 151-162.
- Ibrahim, S. A., & Abdul Razak, K. (2021). Pandemik Covid-19: Cabaran dan Impak dalam Pendidikan Islam dan Pembelajaran Murid. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*. 1(1), 89-94.
- Lau, J. S. C., & Rosli, R. B. (2020). Pengetahuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Guru Matematik Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(11), 71-84.
- Mahd Nor, N. I. (2021). Pendidikan Islam bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas: Guru sebagai Murabbi. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*. 5(1), 64-76.
- Malik, M. A. (2019). Posisi Guru sebagai Orang Tua dan Murid sebagai Anak Menurut Perspektif Al-Qur'an. *Al-Adzka: Jurnal Ilmiah Pendidikan Guru Madrasah Ibtidaiyah*. 9(1), 35-40.

- Mailis, M. I., Zaini, Z. H., & Hassan, N. H. (2020). Persepsi Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian. *Jurnal Kesidang*. 5(1), 88-99.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Johari, Ag Yusof Ag Chuchu, & Halimah Laji. (2014). Komunikasi Guru Dalam Bilik Darjah dan Tingkah Laku. *Jurnal Pemikir Pendidikan*. 5, 59-77.
- Mukromin, M. (2019). Pemikiran Imam Al-Ghazali Dalam Pendidikan Islam. *Paramurobi: Jurnal Pendidikan Agama Islam*. 2(1), 34-42.
- Nisa, P. K. (2019). Komunikasi Dakwah Imam Al-Ghazali Dalam Kitab Ihya' 'Ulumiddin. *Al Amin: Jurnal Kajian Ilmu Dan Budaya Islam*. 1(2), 188-210.
- Norzi Mohd Yusoff, & Mohd Isa Hamzah. (2021). Pandemik Covid 19: Cabaran Dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam dan Pembelajaran Murid Prasekolah. *Global Journal of Educational Research and Management*. 1(3), 160-169.
- Nur Eliza Mohd Noor, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, & Yusmini Md Yusuff, (2021). Peranan Guru Dalam Pelaksanaan E-Pembelajaran Pendidikan Islam Menurut Perspektif Al-Ghazali. *Journal of Islamic Educational Research*, 6, 52–63.
- Nurlela, & Eri Purwanti. (2020). Peranan Guru Pendidikan Agama Islam Dalam Membina Akhlak Peserta Didik. *Jurnal Manajemen Pendidikan Islam Al-Idarah*. 5(1), 8–15.
- Nurohman. (2020). Konsep Pendidikan Al-Ghazali Dan Relevansinya Dalam Sistem Pendidikan Di Indonesia. *As-Salam: Jurnal Studi Hukum Islam & Pendidikan*. 10(2), 276-299.
- Rahmawati, M. (2019). Mendidik Anak Usia Dini Dengan Berlandaskan Pemikiran Tokoh Islam Al-Ghazali. *Al Fitrah: Journal Of Early Childhood Islamic Education*. 2(2), 274-286.
- Rajan, K., & Hj Othman, N. (2022). Pengetahuan dan Kemahiran Teknologi Maklumat serta Komunikasi Guru Terhadap Prestasi Subjek Perniagaan Murid Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 7(1), 204-215.
- Ramli, R. (2019). Peranan Guru Pendidikan Agama Islam Dalam Pembinaan Kecerdasan Emosional. *Jurnal Al-Ibrah*. 8(1), 14-29.
- Razaleigh Muhamat Kawangit. (2014). Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pengurusan Aktiviti Dakwah Di Sekolah. *Researchgate*.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz Baharan, Noraizan Mohsin, Norliza Kila, & Mashita Abu Hassan. (2019). Amalan kualiti guru dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan. *Journal of Management and Operation Research*. 1(4), 1–23.
- Setyaningsih, R., Abdullah, A., Prihantoro, E., & Hustinawaty, H. (2020). Improving Communication and Collaboration Skills via e-Learning Contents. *KOMUNIKA: Jurnal Dakwah Dan Komunikasi*. 14(2), 213-222.
- Siti Nurbaizura CheAzizan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian Melalui Pendekatan Home Based Learning (HBL) Semasa Tempoh Pandemik Covid-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11 (Edisi Khas), 46-57.
- Soetari, E. (2014). Pendidikan Karakter dengan Pendidikan Anak untuk Membina Akhlak Islami. *Jurnal Pendidikan Universitas Garut*. 8(1), 116-147.
- Sofiah Mohamed, ., Kamarul Azmi Jasmi, ., & Muhammad Azhar Zailani, . (2016). Akhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam (Teacher's Good Behaviour in Teaching and Learning the Islamic Education). *Akademika*.
- Sohana, & Hairun. (2017). Komunikasi Berkesan Membina Sahsiah Pelajar. *Journal of Islamic Studies*. 1(1), 87-93.

- Subakri, S. (2020). Peran Guru dalam Pandangan Al-Ghazali. *Jurnal Pendidikan Guru*. 1(2), 63-75.
- Syafiqah Solehah Ahmad, & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2017). Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pembinaan Sahsiah Pelajar: Satu Tinjauan Awal Terhadap Guru Pendidikan Islam Di Daerah Marang, Terengganu. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*. 2(2), 36-53.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, Yusmini Md Yusoff & Fadillah Mansor (2021). Building Students Character through Contextual Learning Approach: Islamic Education Novice Teachers Experiences. *Islamiyyat*, 43(2), 39-52.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Khadijah Abdul Razak, & Mohd Isa Hamzah. (2021). Model Guru Pendidikan Islam Komprehensif. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*. 4(1), 63-74.
- Windhiyana, E. (2020). Dampak Covid-19 Terhadap Kegiatan Pembelajaran Online Di Perguruan Tinggi Kristen Di Indonesia. *Perspektif Ilmu Pendidikan*, 34(1), 1–8.
- Zazin & Zaim. (2019) Media Pembelajaran Agama Islam Berbasis Media Sosial Pada Generasi-Z. *Proceeding Antasari International Conference*. 1(1) 534-563.